

Jadi pemain bukan hanya penonton

Kuala Lumpur: Graduan universiti di seluruh negara digesa tidak hanya menjadi penonton, sebaliknya pemain dalam bidang keusahawanan melalui peluang karnival kerjaya yang dianjurkan kerajaan.

Pemangku Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi Datuk Mohamed Hussain berkata, kementerian itu yang sebelum ini, dikenali Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudah melakukan pelbagai langkah ke arah usaha meningkatkan penyertaan graduan dalam bidang itu.

“Kami tak mahu lagi graduan atau mahasiswa (datang) sebagai penonton, te-

tapi sebagai pemain di dalam bidang keusahawanan beraksyen kepada inovasi kerana mereka sudah didedahkan di universiti untuk buat penyelidikan.

“Institusi pengajian tinggi terutama dalam bidang teknikal boleh menyumbang ke arah melahirkan usahawan industri berasaskan teknologi yang saya rasa lebih memberi impak yang besar kepada ekonomi dan SME (Perusahaan Kecil dan Seiderhana),” katanya selepas merasmikan Pelancaran Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) di Seri Pentas di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, Penolong Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Ketua Pegawai Teknologi Media Prima Berhad Zuraidah Atan.

Mengulas lanjut Mahamed berkata, K3G yang memasuki tahun ke lima pengjurannya akan berlangsung selama tiga hari bermula 14 Jun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang turut mendapat kerjasama UPM dan Media Prima Bhd.

“Pada karnival ini, graduan dan mahasiswa akan diberi pendedahan maklumat kerjaya dan keusahawanan di samping usaha ke-



MAHAMED (tiga dari kiri) bertukar dokumen dengan Zuraidah.

menterian menangani isu kebolehpasaran dan kebolehdapatan mereka untuk mendapat pekerjaan. . .

“Di sini mereka berpeluang melihat kerjaya berkualiti selain menjadi platform bagi meningkatkan keseda-

ran terhadap peluang keusahawanan dan latihan kemahiran yang ditawarkan,” katanya.